

# Pencapaian Ekuinas tanda kejayaan pendekatan PE kerajaan

Sejak penubuhannya pada tahun 2009, Ekuiti Nasional Bhd (Ekuinas) sudah melaksanakan 53 pelaburan di dalam portfolio pelaburan yang merangkumi Pelaburan Langsung dan Program Penyumberan Luar sejak penubuhannya, dengan komitmen sebanyak RM3 bilion.

Ia membolehkan Ekuinas meningkatkan Nilai Ekuiti Bumiputera di dalam syarikat portfolionya sebanyak RM3.9 bilion, atau 1.4 kali modal yang dilabur.

Nilai Pemegang Saham Keseluruhan bagi semua syarikat portfolionya pula mencecah RM5.6 bilion, atau dua kali modal yang dilabur.

Setakat tahun kewangan 2016, syarikat portfolio Ekuinas mempunyai 498 pengurus dan 16,038 kakitangan, yang mana Bumiputera merangkumi masing-masing 40.4 peratus dan 60.3 peratus daripadanya.

Jumlah itu meningkat daripada 16.9 peratus pengurus Bumiputera dan 29.7 peratus kakitangan Bumiputera sejak Ekuinas mula melabur.

Pencapaian ini membuktikan kejayaan Ekuinas mencapai objektif kewangannya seiring dengan objektif sosial kerana syarikat berpegang teguh kepada prinsip bahawa pencapaian objektif sosial hanya dapat dicapai sekiranya disiplin kewangan yang ketat diutamakan.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan, berkata menuju ke hadapan Ekuinas diunjurkan dapat mengekalkan trek rekodnya untuk mencapai sasaran minima 12 peratus kadar pulangan pelaburan (IRR) buat tahun kelapan berturut-turut.

"Ekuinas juga disasar untuk terus memperkasakan syarikat bersaiz sederhana tempatan dan mentransformasinya menjadi peneraju pasaran," katanya kepada BH.

Ekuinas ditubuhkan oleh kerajaan sebagai institusi yang menggunakan pendekatan ekuiti persendirian (PE) sebagai salah satu instrumen inovatif baharu di bawah Model Ekonomi Baharu (NEM).

Pelaburan ekuiti persendirian Ekuinas dilaksanakan dalam persekitaran yang mesra pasaran, berasaskan merit dan telus dengan sasaran mencapai ekonomi yang lebih terangkum untuk semua rakyat Malaysia.

Semasa mula ditubuhkan, Ekuinas disasar beroperasi secara komersial, menggunakan modal awam dan swasta untuk dilabur bagi pemerolehan pegangan dalam syarikat yang mempunyai potensi pertumbuhan.

Rahman berkata, bagi mengelakkan model pelaburannya bertindih dengan agensi kerajaan lain, Ekuinas memberikan tumpuan kepada syarikat Malaysia bersaiz sederhana, mencatatkan pertumbuhan kukuh dengan trek rekod mantap serta sedang meninjau untuk berkembang ke tahap berikutnya dan meningkatkan kualiti pengurusanannya.

Katanya, strategi pelaburan Ekuinas adalah untuk mentransformasi dan mengembangkan syarikat berkecayaan menjadi peneraju pasaran dan pelaburan yang menguntungkan, sebelum Ekuinas menjual pegangannya.

"Keputusan pelaburan dan pemilihan pengurusan oleh Ekuinas adalah berdasarkan kepada merit. Ekuinas akan menyokong usahawan yang mempunyai trek rekod terbukti.

"Selain itu, Ekuinas juga akan membina syarikat dengan memastikan pengurusan profesional dengan tangga gaji berasaskan prestasi, termasuk insentif berasaskan ekuiti," katanya.

Rahman berkata, model operasi Ekuinas terdiri daripada semua fungsi penting yang membentuk asas sebuah perniagaan.

Katanya, dasar utama Ekuinas dibangunkan dengan sasaran operasi PE diamalkan setanding dengan standard serta amalan terbaik di peringkat global.

"Ia termasuk pelaburan langsung dan penyumberan luar syarikat, rangka kerja dan garis panduan serta bidang perniagaan lain seperti tadbir urus, pendedahan, perbendaharaan, sumber manusia, pengurusan pihak berkepentingan dan komunikasi," katanya.

Ekuinas telah mengenal pasti enam sektor sasaran iaitu Minyak & Gas, Pendidikan, Barangan Pengguna Laris (FMCG), Peruncitan & Perhotelan termasuk Makanan & Minuman (F&B), Penjagaan Kesihatan serta Perkhidmatan.

Namun, syarikat tersebut dibenarkan melabur dalam sektor-sektor lain yang rancak berkembang dan sentiasa mencari peluang untuk menyokong syarikat-syarikat tempatan yang berpotensi tinggi.

Ia tidak akan melabur di dalam sektor perjudian, alkohol, dana lindung nilai, derivatif atau komoditi, hartanah dan pembinaan.

Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan  
Menteri Di Jabatan Perdana Menteri